

24/09/2000

Kapal peronda TLDM ditambah

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Lebih banyak kapal peronda Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan dikerah sebagai `benteng' perairan negara berikutan pelarian perang dari selatan Filipina mula memasuki mencerooboh berdekatan perairan Sabah.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata langkah itu adalah sejajar dengan keputusan kerajaan memperketatkan kawalan bukan saja daripada kumpulan penculik asing malah pelarian perang dari selatan Filipina.

"Kita akan tambah lebih banyak kapal peronda dan dikerah untuk mengawal perairan negara daripada dibolosi," katanya ketika dihubungi Berita Minggu di Pekan, Pahang, semalam.

Kapal peronda tambahan dari pangkalan TLDM di Labuan selain Lumut, dipercayai turut dikerahkan ke kawasan pantai timur Sabah selain penghantaran pesawat peronda maritim serta helikopter dari Labuan ke Tawau.

Kelmarin, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, berkata pelarian perang dari selatan Filipina mula mencerooboh perairan Malaysia dan 33 orang sudah ditahan berhampiran Pulau Kaningan, Sabah, manakala 40 hingga 60 orang lagi diusir sebelum memasuki perairan negeri itu.

Penahanan itu adalah yang pertama sejak pasukan keselamatan meningkatkan kawalan di perairan Sabah berikutan serangan besar-besaran tentera Filipina ke atas kumpulan Abu Sayyaf di Jolo bagi membebaskan 22 tebusan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Pandanan, 10 September lalu.

Seramai 33 pelarian yang ditahan dua hari lalu itu, tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah. Semuanya sudah diserahkan kepada polis bagi tindakan lanjut.

Najib berkata, sehingga petang semalam beliau belum dapat maklumat mutakhir sama ada jumlah pelarian perang dari Selatan Filipina yang mencerooboh masuk ke Sabah, terus meningkat.

Katanya, butir lanjut mengenai perkara itu akan diumumkan dalam satu sidang akhbar esok (Isnin) setelah mendapat maklumat terperinci.

Mengenai nasib tiga tebusan rakyat Malaysia, Najib berkata setakat ini beliau diberitahu mereka dalam keadaan selamat tetapi tidak diketahui di mana mereka itu disembunyikan.

Mereka ialah Pengurus Pandanan Semporna Island Resort, Mohamad Noh Sulaiman, 43, jurulatih penyelam Joe Joseph Jongkinoh, 40, dan kontraktor Kan Wei Chong, 35, yang diculik oleh sekumpulan orang bersenjata dan dipercayai dibawa ke Jolo.

Ketiga-tiga rakyat Malaysia itu diculik pada 10 September lalu, sehari selepas 20 tahanan daripada 21 yang diculik pada 23 April dari Pulau Sipadan, Sabah dibebaskan.

Kelmarin, Duta Malaysia ke Filipina, Arshad Hussein dipetik sebagai berkata tiga rakyat Malaysia itu dipercayai masih selamat tetapi mereka dibawa berpindah-pindah oleh pihak penculik berdasarkan maklumat ketenteraan Filipina.

Di samping tahanan Malaysia itu, kumpulan bersenjata itu juga menahan seorang rakyat Amerika Syarikat (AS) dan 13 rakyat Filipina. Rabu lalu, dua wartawan Perancis yang ditahan kumpulan itu sejak 9 Julai, melarikan diri berikutan serangan tentera terhadap pihak penculik.

Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat Filipina yang melarikan diri ke negara ini untuk mengelak serangan tentera di selatan negara itu, akan dianggap sebagai pelarian perang.

Dr Mahathir berkata, pelarian itu akan ditempatkan di kawasan khusus dan dilarang keluar, kecuali jika sanggup balik ke Filipina.

Sebelum ini, Najib juga berkata 138 anggota tentera pelbagai pangkat sudah ditempatkan di lapan pulau di perairan Sabah bagi mematahkan cubaan pelarian Filipina memasuki perairan Malaysia.

Difahamkan, pasukan tentera juga sudah meletakkan anggotanya di dua lagi pulau di perairan Sabah, semalam.

(END)